

03 JUL 2000

SATELIT PERTAMA MALAYSIA DILANCAR PADA 25 OGOS

SIBU, 3 Julai (Bernama) -- Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding berkata satelit pertama buatan Malaysia akan dilancarkan pada 25 Ogos ini.

Katanya beliau menerima pengesahkan mengenai tarikh pelancaran itu di Khazastan dari Agensi Angkasalepas Russia.

Satelit mikro seberat 50 kilogram berharga RM45 juta dibina oleh saintis Malaysia di universiti tempatan dengan kerjasama institusi British.

Law berkata berikutan masalah mendapatkan agensi untuk melancarkannya, pelancaran yang dijadualkan pada September tahun lepas terpaksa ditangguhkan pada April dan akhirnya Ogos ini.

Ia adalah satelit kedua negara selepas pelancaran selepas Measat.

Satelit yang dinamakan sebagai Tungsat-1 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad itu akan digunakan untuk pengawasan bumi, penyelidikan, ramalan cuaca dan tujuan komunikasi, katanya di Sarikei semalam.

-- BERNAMA.

ESS LAT